

TERMA RUJUKAN

AHLI JAWATANKUASA KESELAMATAN & KESIHATAN



STRUKTUR ORGANISASI

Bermesyuarat seberapa kerap yang perlu setara dengan risiko tempat kerja tetapi tidak kurang 3 bulan sekali. **(Per. 21.(1))**

Ahli Jawatankuasa hendaklah dipanggil serta merta untuk bermesyuarat jika berlaku kemalangan yang melibatkan nyawa atau kecederaan serius. **(Per.10.(a))**

Tempoh pelantikan ahli jawatankuasa selama 2 tahun.



KERJA SELAMAT

Membantu menambahbaik prosedur keselamatan dan kesihatan serta sistem kerja selamat. **(Per. 11.(a))**

Membantu menyemak dan mengemaskini SOP bagi menjamin setakat yang praktik keselamatan dan ketiadaan risiko kepada kesihatan bagi semua aktiviti kerja. **(Sek. 15.(2)(b))**



PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA

Memeriksa tempat kerja sekurang-kurangnya 3 bulan sekali untuk menentukan jika terdapat apa-apa yang memudaratkan keselamatan dan kesihatan. **(Per. 12.(a))**

Membincangkan dan mengkaji segala prosedur di tempat kerja bagi mengawal segala risiko dan membuat cadangan penambahbaikan kepada majikan. **(Per. 12.(b & c))**



PENYIASATAN KEMALANGAN

Menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan tempat kerja bagi semua jenis kemalangan yang tersenarai dalam jadual pertama, jadual kedua dan jadual ketiga. **(NADOOPOD 2004)**

Mengemukakan laporan siasatan dan cadangan penambahbaikan serta langkah-langkah bagi mencegah kemalangan berulang. **(Per. 13.(2,3 & 4)**



LATIHAN KESELAMATAN & KESIHATAN

Mengkaji semula keberkesanan program keselamatan dan kesihatan. **(Per. 11.(a))**

Membantu dalam mengadakan apa-apa kegiatan bagi meningkatkan kesedaran dan mewujudkan budaya kerja selamat di tempat kerja. **(Per. 18.)**

Mengambil langkah yang praktik untuk menyediakan latihan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan. **(Per. 29)**

MERUJUK PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (JAWATANKUASA KESELAMATAN & KESIHATAN) 1996